

**D847**

**U 8910 BAH  
MAHATHIR - KUMPULAN**

**JITRA, 20 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATI RAKYAT SUPAYA JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN GOLONGAN TERTENTU MEMBUAT BERBAGAI-BAGAI TOHMAH TERHADAP KERAJAAN SUPAYA RAKYAT MEMBENCIKAN KERAJAAN DAN MENYOKONG MEREKA.**

**+GOLONGAN** ITU SUDAH MULAI MENJALANKAN KEGIATAN MEREKA SECARA **BERBISIK-BISIK** DAN MEREKA BERBUAT DEMIKIAN SEMASA MENJELANGNYA **MUSIM PILIHAN RAYA** UNTUK MENDAPAT UNDI **RAKYAT**, + KATANYA KEPADA **KIRA-KIRA 1,000** ORANG PENDUDUK KAMPUNG BINJAL DEKAT **SINI HARI INI.**

**MENURUTNYA**, GOLONGAN ITU MERUPAKAN MEREKA YANG **+KETAGIH+** HENDAK MENDAPATKAN KUASA DALAM KERAJAAN **SEMATA-MATA** HINGGA **SANGGUP** MELEMPARKAN FITNAH DAN TUDUHAN-TUDUHAN TERHADAP KERAJAAN KONONNYA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG DIRANCANGKAN TIDAK MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA MEREKA HINGGAKAN ADA YANG MENGATAKAN BAHAWA DI DAERAH KUBANG PASU TERLALU **BANYAK** PEMBANGUNAN BERBANDING DENGAN TEMPAT-TEMPAT LAIN.

**KATANYA, SEMASA** BERADA **DALAM** KERAJAAN **GOLONGAN ITU TIDAK PERNAH** DATANG MELAWAT KAMPUNG-KAMPUNG DAN MEREKA TIDAK BERSUNGGUH DALAM MENJALANKAN PEKERJAAN MEREKA.

**SEMASA** DALAM **KERAJAAN**, GOLONGAN ITU **HIDUP MEWAH** DAN MEREKA HEMBINA **SEBUAH** KOLAM MANDI DI TINGKAT 32, BANGUNAN BANK BUHIPUTERA MALAYSIA BERHAD (**BBMB**) SEDANGKAN ADA DI KALANGAN **PENDUDUK** KAMPUNG YANG TIDAK CUKUP AIR UNTUK **MANDI**, KATA BELIAU. -- **LAGI.**

1922MST 20 01 89

U 8912 BAH  
MAHATHIR - KUHPULAN 2 JITRA

**+SAYA BOLEH BUKTIKAN SEMUA INI, TAPI HARI INI MEREKA KATA KERAJAAN SEKARANG MEMBAZIR DENGAN PROJEK PROTON SAGA DAN JAMBATAN PULAU PINANG SEDANGKAN PROJEK-PROJEK BERKENAAN IALAH UNTUK RAKYAT SEMATA-MATA, + JELAS BELIAU.**

DATUK SERI DR MAHAHATHIR MENJELASKAN, MEMANG PADAMASA LAMPAU DAERAH KUBANG PASU TIDAK MEMPEROLEHI NIKMAT PEMBANGUNAN TETAPI KINI SUDAH TIBA MASANYA KERAJAAN MEMBAWA PEMBANGUNAN UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT SEMATA-MATA.

BELIAU BERKATA, WALAUPUN JAMBATAN PULAU PINANG MENELAN BELANJA KIRA-KIRA \$700JUTA NAMUN HARGANYA LEBIH MURAH BERBANDING DENGAN SEBATANG JAHBATAN YANG SAMA PANJANGNYA DI JEPUN YANG MENELAN BELANJA SEBANYAK \$24,000JUTA DENGAN KADAR BAYARAN TOL YANG OIKENAKAN SEBANYAK \$250 UNTUK PERJALANAN PERGI DAN BALIK BERBANDING DENGAN TOL JAMBATAN PULAU PINANG SEBANYAK \$7 UNTUK SATU PERJALANAN.

**BAGAIMANAPUN, BELIAU MAHUKAN RAKYAT MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA NIKMAT PEMBANGUNAN YANG DIBERIKAN DENGAN BERUSAHA MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN MEREKA DENGAN BERUSAHA MENCEBURI APA SAHAJA BIDANG YANG HALAL UNTUK KEBAIKAN MEREKA.**

**KATANYA, PENDUDUK TEMPATAN BOLEH MENGAMBIL PELUANG YANG TERDAPAT DARIPADA PROJEK PEMBINAAN KAMPUS UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DI SINTOK DEKAT SINI YANG MENYEDIAKAN PELBAGAI JENIS PELUANG SEPERTI BURUH DAN BERNIAGA GERAI MAKANAN. -- LAGI.**

1929MST 20 01 89

U B913 BAH  
MAHATHIR - KUHPULAN 3 JITRA

**'BELIAU MENOLAK DAKWAAN YANG MENGATAKAN PEKERJA TEMPATAN DIBAYAR UPAH YANG HURAH DI PROJEK TAPAK UUM BERBANDING DENGAN PEKERJA ASING.**

**MENURUTNYA, PEKERJA ASING KHUSUSNYA INDONESIA DIBAYAR LEBIH RENOAH DARIPADA PENDUDUK TEMPATAN TETAPI DISEBABKAN MEREKA DATANG DARIPADA NEGARA YANG LEBIH MISKIN HEREKA SANGGUP MENDAPAT UPAH \$250 SEBULAN DAN MEREKA BERSABAR DAN SETIA TERHADAP TUGAS HINGGA PENDAPATAN MEREKA MENINGKAT HINGGA ADA KIRA-KIRA \$1,000 SEBULAN.**

BELIAU BERKATA, APABILA UUM DIBUKA SEPENUHNYA, KIRA-KIRA 12,000 ORANG AKAN TINGGAL DI KAWASAN BERKENAAN TERMASUK PELAJAR SERTA KAKITANGAN UNIVERSITI BERKENAAN DAN KELUARGA MEREKA DAN INI MEMBERI BANYAK PELUANG KEPADA PENDUDUK TEMPATAN UNTUK BERNIAGA.

**KATANYA, PENDAPAT YANG MENGATAKAN ORANG TEMPATAN TIDAK DIBERI PELUANG HARUS DIKIKIS KERANA SEKIRANYA MEREKA PANDA1 MEMBUAT SESUATU PEKERJAAN TIDAK ADA SEBAB MEREKA TIDAK DIBERI HAK YANG SAMA.**

DATUK SERI DR MAHAHATHIR JUGAKESAL DENGAN TINDAKAN SEGELINTIR MASYARAKAT YANG MENGAMBIL KESEMPATAN MEMBELITANAH DENGAN HARGA YANG MURAH DARIPADA PENDUDUK LANGKAWI DAN MENJUALKANNYA SEMULA DENGAN HARGA TINGGI SETELAH MEREKA MENDAPAT TAHU KERAJAAN AKAN MEMBANGUNAKN PULAU ITU. -- LAGI.

1931MST 20 01 89

U B914 BAH  
HAHATHIR - KUHPUAN 4 JITRA

BELIAU JUGA KEBAL DENGAN SIKAP GOLONGAN SISWAZAH YANG MENJADI PENGANGGUR SEDANGKAN BANYAK PELUANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK HEREKA.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH, BARU-BARU INI KERAJAAN HENGELUARKAN TAWARAN UNTUK PEKERJAAN DI ENGLAND UNTUK GOLONGAN SISWAZAH DENGAN PENDAPATAN ANTARA \$1,500 HINGGA \$2,000 SEBULAN.

KATANYA, SETELAH IKLAN DIKELUARKAN BANYAK PERHOHONAN YANG DITERIHA DAN BERHARAP DAPAT HENGHANTAR SEBANYAK 20 ORANG CALON YANG TERBAIK SEBAGAI PERHULAAN.

BAGAIMANAPUNPADA HARI TEHUDUGA DIJALANKAN HANYA 10 ORANG YANG HADIR DAN DARIPADA JUHLAH ITU LIMA BERPAKAIAN TIDAK KEHAS DAN DITOLAK. DENGAN ITU, HANYA LIMA SAHAJA YANG HANTAR KE NEGARA ITU.

KATANYA, NEGARA MEMERLUKAN RAKYAT YANG SANGGUP BEKERJA KERAS DAN BERUSAHA UNTUK KEBAIKAN SELURUH RAKYAT.

SEBELUH ITU, DATUK SERI DR HAHATHIR DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITIHASMAH HOHAHAD ALI DIIRNGI OLEH 50 ORANG PENUNGGANG MOTOSIKAL PEHUDA UMNO SETIBA HEREKA DI PERSIHPANGAN JALAN KE KAHPUNG BINJAL. -- BERNAHA.

1940MST 20 01 89